



Bil. 2/2018  
EDARAN PERCUMA

# BULETIN

## LENSA MUALLIM

### SAMBUTAN AMBANG TAHUN BARU 2019



YB TUAN YONG CHOO KIONG  
PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN  
AWAM DRAFT RANCANGAN TEMPATAN  
DAERAH MUALLIM & SEBAHAGIAN  
BATANG PADANG 2035

SELAMAT DATANG  
SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH  
TANJONG MALIM

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA  
AIDILFITRI 2018

# LENSA MUALLIM

## ISI KANDUNGAN

- 1 SELAMAT DATANG SETIAUSAHA MDTM.
- 2 PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI.
- 3 STAR RATING 2018.  
MESYUARAT HOSTING PBT PERAK.
- 4 LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH KERIAN.  
KURSUS ISO 9001:2015 AWARENESS TRAINING.
- 5 MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS.
- 6 LAWATAN AKADEMIK INSTITUT LATIHAN KESIHATAN.  
LAWATAN KERJA PENANDAARASAN PELAKSANA ISO 9001:2015.
- 7 KURSUS ASAS KESELAMATAN DI AKADEMI BOMBA KUALA KUBU.  
KURSUS PERTOLONGAN CEMAS & CPR.
- 8 SAMBUTAN TAHUN BARU 2019.
- 10 DRAFT RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MUALLIM & BATANG PADANG.
- 12 PROGRAM LAWATAN SETIAUSAHA NEGERI PERAK.  
TAKLIMAT ASAS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAAN (JKKP).
- 13 SESI PENYERAHAN KIOS BANTUAN MISKIN  
PROGRAM LAWATAN KERJA & TAKLIMAT PEMBANGUNAN PROTON CITY.
- 14 AUDIT ISO STAGE SATU.  
LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI.
- 15 PROGRAM KONVOI MOTOSIKAL JELAJAH BERKUASA TEMPATAN PERAK.  
PENYAMPAIAN HADIAH CUKAI TAKSIRAN.
- 16 PROGRAM SUKAN RAKYAT.  
PROGRAM SILATURAHIM AHLI MAJLIS BERSAMA PIMPINAN MDTM.
- 17 PERHIMPUNAN BULANAN BIL 4, 5, & 6 TAHUN 2018.

## Direktori

FAIZAL NIZAM BIN MD NOR, YANG DIPERTUA - 05-4563400  
ROSLAN BIN KAMARUZAMAN, SETIAUSAHA - 05-4563401  
IR ABD RAHMAN BIN GHAZALI (JABATAN KEJURUTERAAN) - 05-4563433  
ZUHAIRI BIN HASHIM (JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN) - 05-4563411  
NOOR ZATUL 'IFFAH BINTI IBRAHIM (JABATAN PERBENDAHARAAN) - 05-4563422  
NOR SHAHILA BINTI MOHYIDIN (UNIT PUSAT SEHENTI) - 05-4563416  
SITI AIDA BINTI RASIDI (JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN) - 05-4563445  
SHARUDDIN BIN JAAFAR (UNIT UNDANG-UNDANG) - 05-4563443  
ROHANA BINTI MAT NAYAN (JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA) - 05-4563427  
AHMAD ZAMIL BIN SABRI (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) - 05-4563439  
SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN (BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT) - 05-4563437  
MUHD SAIFULBAHARI BIN HASSAN (BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN) - 05-4563453  
NORHIDAYAH BINTI JAMALUDIN (UNIT AUDIT DALAM) - 05-4563455

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

TUAN FAIZAL NIZAM BIN MD NOR  
YANG DIPERTUA, MDTM

### PENYUMBANG BAHAN/JURUGAMBAR

ENCIK MOHAMAD SYUKURI BIN HAMID  
ENCIK MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL BARRI  
ENCIK MUHAMMAD AMIRULFAIZ BIN MOHAMAD ARIF

### EDITOR

ENCIK SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN

### PENGARANG/PEREKA GRAFIK

ENCIK PARTHIVAN A/L VEERANAN  
ENCIK MUHAMMAD ZAKI BIN ABDUL NAIM

**PENCETAKAN/EDARAN**  
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

**TERBITAN**  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

**ENCIK ROSLAN BIN KAMARUZAMAN**

**MULA BERKHIDMAT DI MAJLIS DAERAH  
TANJONG MALIM PADA : 01/10/2018**

**JAWATAN : SETIAUSAHA N44 (MEMANGKU N48)**

**PERKHIDMATAN SEBELUM : MAJLIS DAERAH GERIK**

**TEMPAT LAHIR : SUNGKAI, PERAK**



# SELAMAT DATANG

ENCIK ROSLAN BIN KAMARUZAMAN



# PROGRAM SAMBUTAN AIDILFITRI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM 2018



\*Ucapan Yang Dipertua semperna Hari Raya Aidilfitri 2018

\*YDP menyampaikan hadiah kepada pemenang pakaian terbaik

**P**ada 06 Jul 2018 yang lalu telah diadakan Program Sambutan Aidilfitri Majlis Daerah Tanjong Malim Tahun 2018 di Dewan Seri Tanjung, MDTM. Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim Tuan Faizal bin MD Nor mengucapkan Ribuan terima kasih kepada YB Tuan Haji Aminuddin Zulkifli ADUN Kawasan Behrang, Barisan Ahli Majlis Majlis Daerah Tanjong Malim, Ketua-ketua Agensi kerajaan sekitar Daerah Muallim, Wakil-wakil Penduduk dan Komuniti. Seterusnya majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pakaian tercantik kepada Encik Hasnol Hady bin Hamdan. Seterusnya majlis penyampaian hadiah kepada Gerai Terbaik yang dimenangi oleh Jabatan Kejuruteraan. Terima Kasih kepada seluruh kakitangan MDTM kerana menjayakan Program Sambutan Aidilfitri 2018.

# STAR RATING 2018

23 Julai 2018 | Auditorium Seri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim



## MESYUARAT *HOSTING* LAMAN WEB PBT PERAK

Pada 26 Julai 2018 yang lalu telah diadakan Mesyuarat *Hosting* Laman Web PBT Perak. Seramai 15 orang Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak telah terlibat. Tujuan mesyuarat ini diadakan ialah untuk memastikan laman web rasmi PBT sentiasa berada dalam tahap yang terbaik serta memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Mesyuarat ini di pengurusikan oleh Encik Shahafzan Bin Nazri daripada Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Perak.



# LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH KERIAN BERKAITAN PENGUATKUASAAN PAPAN TANDA LUAR DAN PELUPUSAN ANJING LIAR

1 Ogos 2018 | Majlis Daerah Tanjong Malim



## KURSUS ISO 9001:2015 AWARENESS TRAINING DAN INTERNAL AUDITOR TRANSITION TRAINING




Pada 8 & 9 Ogos 2019 yang lalu telah diadakan kursus ISO 9001:2015 "Awareness Training" dan "Internal Auditor Transition Training". Kursus ini berlangsung selama dua hari dari pukul 8.30 pagi dan tamat pada pukul 4.30 petang. Kursus ini bertempat di Auditorium Seri Tanjung Aras 3, Majlis Daerah Tanjong Malim.

# MAJLIS ANGGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS

TARIKH : 3 Ogos 2018 (Jumaat)

TEMPAT : Auditorium Seri Tanjung, MDTM



\* Sesi bergambar bersama Adun Behrang YB Aminuddin Zulkipli, Ahli Majlis & MDP Tuan Faizal Nizam.



\* Tuan Faizal Nizam mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjung Malim



# LAWATAN AKADEMIK INSTITUT LATIHAN KESIHATAN



\* Sesi bergambar bersama YDP Tuan Faizal Nizam



Pada 17 Ogos 2018 yang lalu telah diadakan lawatan akademik dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Sungai Buloh. Kursus ini dilangsungkan di Auditorium Seri Tanjung Aras 4, bertempat di Majlis Daerah Tanjong Malim.

## LAWATAN KERJA PENANDAARASAN PELAKSANAAN ISO VERSI 9001 : 2015

4 September 2018 | Auditorium Seri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong



## KURSUS ASAS KESELAMATAN KEBAKARAN DI AKEDEMI BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TENGAH KUALA KHUBU



Pada 5 dan 6 Oktober 2018 yang lalu telah diadakan Kursus Asas Keselamatan Kebakaran di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah Kuala Kubu Bharu. Seramai 30 orang peserta telah mengikuti kursus ini termasuk pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim. Kursus ini berlangsung selama dua hari, banyak aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus ini iaitu Teknik Menyelamat, Kawad Hos Permulaan Individu, Kawad Hos Operasi dan Simulasi Pemadaman, BA Galeri dan Pengungsian Bangunan.

## KURSUS PERTOLONGAN CEMAS DAN CPR



Pada 24 Oktober 2018 hingga 25 Oktober 2018 yang lalu telah diadakan Kursus Pertolongan Cemas Dan CPR. Kursus ini diadakan di Auditorium Seri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim. Seramai 30 orang peserta yang terlibat termasuk pegawai. Kursus ini bertujuan untuk persiapan awal bagi pekerja sekiranya berlaku kemalangan di tempat kerja atau kebakaran ditempat kerja.



\*Ketibaan YB Tuan Tan Kar Hing

## PROGRAM SAMBUTAN AMBANG TAHUN BARU 2019 PERINGKAT NEGERI PERAK



\*Persembahan dari artis jemputan



**P**ada 31 Disember 2018 yang lalu telah diadakan Program Sambutan Ambang Tahun Baru 2019 Peringkat Negeri Perak. Program ini berlangsung di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim. Program ini dihadiri oleh YB Tuan Tan Kar Hing Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perak dan isteri. Antara acara yang dipersembahkan ialah gimik pelancaran, persembahan gabungan khas pelbagai kaum serta pengiraan detik ambang tahun baru 2019.



\*YDP bersama YB Tuan Haji Zainal Azman





\*Sesi bergambar bersama YB Yong Choo Kiong

## PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MUALLIM & SEBAHAGIAN DAERAH BATANG PADANG 2035.



\*YDP menyampaikan cenderahati kepada YB Yong Choo Kiong



\*Perasmian majlis oleh YB Yong Choo Kiong



**P**ada 23 Oktober 2018 telah diadakan Program Publisiti & Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Muallim & Sebahagian Daerah Batang Padang 2035. Program ini diadakan di Dewan Seri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim. Majlis dirasmikan oleh YB Yong Choo Kiong (Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baru) serta turut hadir YB Tuan Haji Aminuddin Zulkipli ADUN Behrang. Jabatan yang terlibat ialah Majlis Daerah Tanjong Malim, Majlis Daerah Tapah, Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Pejabat PLAN Malaysia@Perak, Pasar Awam Slim River dan Pasar Awam Sungkai. Seramai 250 pengunjung yang hadir ke program ini.

## PROGRAM LAWATAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK KE DAERAH MUALLIM



**P**ada 31 Oktober 2018 yang lalu telah diadakan Lawatan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak ke Daerah Muallim. Semua Agensi Kerajaan terlibat dengan lawatan ini. YB Setiausaha Kerajaan melawat Tapak di daerah muallim iaitu Projek Kuarters Penjawat Awam, Projek IPD Muallim, Tasik YDP, Projek Rumah Perakku, Kolam Air Panas Ulu Slim, Projek Naik Taraf Pusat Perkelahan Sungai Bil, Lawatan Luar Kilang Proton, Projek Landskap Hutan Bandar Proton City dan Youth City Tanjung Malim.

## TAKLIMAT ASAS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM



**P**ada 12 November 2018 yang lalu telah diadakan Taklimat Asas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di Majlis Daerah Tanjung Malim. Peserta yang terlibat ialah Kontraktor dan warga kerja Majlis Daerah Tanjung Malim. Sesi pagi untuk Kontraktor di bawah seliaan Majlis Daerah Tanjung Malim dan sesi petang pula warga Majlis Daerah Tanjung Malim. Taklimat ini di sampaikan oleh Ir. Hamirul Adli bin Hashim, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak.

# SESI PENYERAHAN KIOS BANTUAN MISKIN

14 November 2018 | Lobi Blok A, MDTM



\*Sesi bergambar bersama YDP Tuan Faizal Nizam

## PROGRAM LAWATAN KERJA DAN TAKLIMAT BERKAITAN PEMBANGUNAN PROTON CITY DAN KILANG KERETA PROTON



\*YDP menyampaikan cenderahati kepada wakil Proton City

Pada 15 November 2018 yang lalu telah diadakan Program Lawatan Kerja dan Taklimat Berkaitan Pembangunan Proton City dan Kilang Kereta Proton. Program di mulakan dengan ucapan CEO Proton City Development Corporation dan Ucapan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Tuan Faizal Nizam. Taklimat rancangan pembangunan Proton City seterusnya lawatan ke tempat kilang pembuatan kenderaan.

# AUDIT ISO STAGE SATU

22 November 2018 | Auditorium Seri Tanjung, MDTM



## LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI BERKAITAN MAKLUMAT PENILAIAN DAN SISTEM E-PBT



**P**ada 27 November 2018 yang lalu telah diadakan Lawatan Penandaarasan Dalam Mengintegrasikan Pangkalan Data Geografi dengan Maklumat Penilaian dan Sistem E-PBT. Delegasi ini adalah seramai 8 orang pelawat dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang diketuai oleh Puan Sr.Nawal binti Mohd Khudzairi Pegawai Penilaian Gred W44. Lawatan ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan dengan GIS.

# PROGRAM KONVOI MOTOSIKAL JELAJAH BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK



Pada 28 November 2018 yang lalu telah diadakan Program Konvoi Motosikal Jelajah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak. Seramai 40 peserta penguatkuasa menyertai konvoi tersebut. Dianjurkan oleh N'Force Bikers Club Bahagian Penguatkuasa Majlis Bandaraya Ipoh. Destinasi terakhir di Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

## PENYAMPAIAN HADIAH CUKAI TAKSIRAN

30 November 2018 | Auditorium Seri Tanjung, MDTM



\*Sesi bergambar YDP bersama pemenang cabutan bertuah

# PROGRAM SUKAN RAKYAT



\*Sesi bergambar YDP bersama Ahli Majlis

Pada 27 Disember 2018 yang lalu telah diadakan Program Sukan Rakyat. Program ini diadakan di Tasik YDP, Slim River. Program ini dianjurkan oleh Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim. Ramai peserta yang hadir bagi melibatkan diri dalam program ini. Seterusnya, program ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim iaitu Tuan Faizal Nizam bin MD Nor.

## PROGRAM SILATURRAHIM AHLI MAJLIS BERSAMA PIMPINAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM



\*Sesi bergambar YDP bersama Ahli Majlis serta YB Tuan Haji Aminuddin Bin Zulkipli ADUN Behrang

Pada 31 Disember 2018 yang lalu telah diadakan Program Silaturrahim Ahli Majlis Bersama Pimpinan Majlis Daerah Tanjong Malim. Majlis ini diadakan di Musse Hotel, Slim River. Majlis dimulakan dengan ketibaan Tuan Faizal Nizam bin MD Nor Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Tuan Shamsul Ridzuan Bin Idris Pegawai Daerah Muallim dan YB Tuan Haji Aminuddin Bin Zulkipli ADUN Behrang. Ucapan akhir oleh YB Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli ADUN Behrang banyak memberi semangat dan idea-idea baru untuk memajukan lagi Daerah Muallim di masa hadapan.

# PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL 4, BIL 5, & BIL 6 Tahun 2018

Majlis Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim Bil 4 (21 Ogos 2018), Bil 5 (7 November 2018) dan Bil 6 (27 Disember 2018). Majlis dimulakan dengan ketibaan Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Nyanyian lagu Negaraku, Nyanyian Lagu Negeri Perak dan Bacaan doa. Ucapan dan kata-kata aluan daripada Tuan Yang Dipertua iaitu Tuan Faizal Nizam bin Md Nor. Seterusnya, ucapan dan kata-kata aluan dari Encik Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha Majlis Daerah Tanjong Malim. Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah dan memotong kek hari lahir.

## PERHIMPUNAN BULANAN BIL 4



\*YDP bersama kakitangan MDTM memotong kek sempena menyambut hari kelahiran



## PERHIMPUNAN BULANAN BIL 5



\*En. Roslan menyampaikan sijil pengesahan 7 hari berkursus




## PERHIMPUNAN BULANAN BIL 6



\*YDP menyampaikan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah





**Majlis Daerah Tanjong Malim**  
**Peti Surat 59**  
**35900 Tanjong Malim**

**Emel : [mdtmalim@mdtm.gov.my](mailto:mdtmalim@mdtm.gov.my)**  
**[aduan@mdtm.gov.my](mailto:aduan@mdtm.gov.my)**  
**Laman Web : <http://www.mdtm.gov.my>**

**Tel : 05-4563410/20**  
**Faks : 05-4563430/40**

Majlis Daerah Tanjong Malim mengalu-alukan sebarang sumbangan berupa berita / rencana / laporan / pendapat atau ulasan untuk disiarkan. Sebarang penerbitan di dalam apa jua rekabentuk tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.